

0868

U B171 DEB

MAHATHIR-YAKIN

86

KUCHING, 30 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BARISAN NASIONAL AKAN MENCAPAI KEMENANGAN BESAR PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI BERDASARKAN SOKONGAN YANG DITUNJUKKAN OLEH RAKYAT KEPADA KERAJAAN WAKTU INI.

KATANYA BELIAU MEMBUAT PENILAIAN HASIL BERKEMPEN DI BEBERAPA NEGERI SEJAK HARI PENAMAAN CALON.

+GAMBARAN YANG ADA SEKARANG MENUNJUKKAN BANYAK KALANGAN RAKYAT TELAH MEMBUKTIKAN SOKONGAN MEREKA KEPADA KERAJAAN BN,+ KATANYA KEAPDA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG KUCHING SEBELUM BERLEPAS KE PERAK UNTUK MENERUSKAN KEMPEN PILIHAN RAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN TIBA DI SINI PETANG SEMALAM BERSAMA-SAMA DENGAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH KERANA MERASMIKAN SEBATANG JALAN DI SIMUNJAN.

BELIAU BERKATA PADA MULANYA GAMBARAN MENGENAI +PERASAAN RAKYAT+ TERHADAP SOKONGAN MEREKA KEPADA KERAJAAN AGAK SAMAR-SAMAR. -- LAGI.
1040MST 30 07 86

0869

U B172 DEB

MAHATHIR-YAKIN 2 KUCHING

HA KINI MENJADI LEBIH CERAH DAN NAMPAKNYA BN BOLEH MENDAPAT KEMENANGAN LEBIH DUA PERTIGA,+ KATANYA.

BN TELAH PUN MEMENANGI ENAM KERUSI PARLIMEN DAN LAPAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI TANPA BERTANDING PADA HARI PENAMAAN CALON.

KESEMUA NYA ADA 177 KERUSI PARLIMEN DAN 351 DEWAN UNDANGAN NEGERI.

PENGUNDIAN AKAN DIJALANKAN PADA 1 DAN 3 OGOS UNTUK KERUSI PARLIMEN SAJA DI SABAH DAN SARAWAK DAN PADA 3 OGOS UNTUK KAWASAN PARLIMEN DAN NEGERI DI NEGERI-NEGERI LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI SARAWAK, BN JUGA MAMPU +MENYAPU BERSIH+ KESEMUA 24 KERUSI PARLIMEN SEKIRANYA CALON-CALON SERTA PENYOKONG-PENYOKONGNYA BEKERJA KERAS.

SELAIN ITU, PERPADUAN YANG ADA SEKARANG DI KALANGAN MEREKA HARUS DINEKALKAN KE ARAH MENERUSKAN SOKONGAN MEREKA KEAPDA KERAJAAN BN,+ KATANYA.

-- LAGI.

104-MST 30 07 86

0897

U B191 DEB

MAHATHIR-YAKIN 3 KUCHING

+SAYA PERCAYA SOKONGAN RAKYAT SARAWAK KEPADA KERAJAAN BN AKAN BERTERUSAN KERANA RATA-RATA MEREKA TELAH MENIKMATI HASIL PEMBANGUNAN YANG SEMAKIN MENINGKAT,+ KATANYA.

DENGAN SOKONGAN PADU DAN USAHA GIGIH CALON-CALON BN, PERDANA MENTERI BERKATA KESEMUA 24 KERUSI DAPAT DIKUASAINYA.

SETAKAT INI, DUA KERUSI PARLIMEN YANG DIMENANGINYA TANPA TANDING IALAH DI SARAWAK MENERUSI MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DATUK DR SULAIMAN DAUD DI SANTUBONG DAN TEMBALAN MENTERI PERTAHANAN DATUK ABANG ABU BAKAR MUSTAPHA DI PALOH.

PERDANA MENTERI BERKATA KEMENANGAN BESAR BN DI SARAWAK PENTING UNTUK PEMBANGUNAN NEGERI INI SELANJUTNYA.

+INI AKAN MEMBAWA KEPADA KERJASAMA LEBIH ERAT ANTARA KERAJAAN PUSAT DENGAN NEGERI SEMENTARA PERWAKILAN SARAWAK DI PARLIMEN DAN JEMAAT MENTERI JUGA AKAN LEBIH BERKESAN,+ KATANYA. -- LAGI.
1143MST 30 07 86

0899

U B192 DEB

MAHATHIR-YAKIN 4 KUCHING

MENGENAI KERJASAMA PAS DAN DAP PADA PILIHAN RAYA INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI TIDAK BERLAKU DI SARAWAK KERANA PAS TIDAK MEMPUNYAI CAWANGANNYA DI NEGERI ITU.

+TETAPI DI SEMENANJUNG MALAYSIA, PAKATAN SULIT KEDUA-DUA PEMBANGKANG INI DIJALANKAN UNTUK MENGHALANG KEJAYAAN CALON-CALON BN,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA PAKATAN SEPERTI ITU TIDAK AKAN BERKEBAN KERANA PARA PEMIMPIN KEDUA-DUA PARTI SERING MENGENGKARI JANJI.

ANTARA YANG BERADA DI LAPANGAN TERBANG UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN KEPADA PERDANA MENTERI DAN ISTERI IALAH KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD DAN DATIN PATINGGI HAJAH LAILA SERTA PEMBESAR-PEMBESAR NEGERI. -- BERNAMA.

1145MST 30 07 86